

29 SEP 1998

UMNO BAGAN SOKONG MAHATHIR

PULAU PINANG, 29 Sept (Bernama) -- Umno Bahagian Bagan menyokong kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri dan Presiden parti, kata Setiausaha Umno bahagian, Encik Abdul Latiff Majid hari ini.

Umno bahagian juga telah mengeluarkan pekeliling arahan kepada cawangan-cawangannya supaya bertenang dan tidak melakukan sebarang tindakan yang menyalahi undang-undang dan keputusan parti, katanya.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini, beliau berkata, kumpulan 18 cawangan bahagian itu yang menyatakan hilang kepercayaan terhadap kepimpinan tiga pemimpin bahagian itu termasuk ketuanya, Datuk Abdul Latiff Mirasa telah didalangi oleh orang-orang tertentu yang dahulunya penyokong parti Semangat 46 dan DAP.

Mereka yang mendakwa ketiga-tiga pemimpin itu menyokong gerakan reformasi Datuk Seri Anwar Ibrahim, "mempunyai kepentingan di dalam politik," katanya.

Menurut beliau, Umno Bahagian Bagan akan mengadakan majlis penerangan berhubung isu pemecatan Anwar pada 18 Okt ini yang membabitkan anggota cawangan, Pemuda dan Wanita bahagian itu.

Selain itu, Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) enggan mengeluarkan sebarang komen mengenai keanggotaan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) itu dalam Majlis Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia (GERAK).

Seorang jurucakapnya berkata, Presidennya, Haji S.M. Idris hari ini sibuk menghadiri beberapa mesyuarat dan tidak dapat dihubungi untuk memberi sebarang kenyataan.

-- BERNAMA

AHM PR